

# Amalan kitar semula bantu kurangkan pencemaran plastik

PERTAMBAHAN penggunaan bahan berasaskan plastik dalam negara dan sisa bahan yang dieksport negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jerman serta Britain pasti akan menyebabkan lambakan plastik di Malaysia.

Menurut **Pensyarah Jabatan Biologi Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Ahmad Ismail**, penggunaan plastik sudah sehati dengan budaya rakyat Malaysia pada hari ini.

“Beg, straw, tali dan bekas makanan biasanya dibuat menggunakan plastik. Malah mesin potong rumput juga menggunakan

bahan tersebut. Ia boleh dilihat di kawasan perumahan, tepi jalan raya atau padang permainan.

“Oleh yang demikian, sangat sukar untuk mengawal pencemaran plastik jika tiada undang-undang dan penglibatan daripada masyarakat,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Ujar Ahmad, amalan kitar semula mungkin boleh mengurangkan pencemaran bahan itu kepada alam sekitar.

“Menghentikan penggunaan barangan yang diperbuat daripada plastik atau menggunakannya



AHMAD

ketika diperlukan sahaja boleh membantu proses pengurusan barangan yang memakan masa lama untuk lupus.

“Selain itu, amalan kitar semula atau mengguna semula plastik seperti beg serta botol juga menyumbang kepada pengurangan pencemaran bahan itu,” katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, amalan kitar semula plastik adalah penting dan penyumbang besar dalam mengurangkan pencemaran terutamanya di laut.

“Hal ini kerana plastik amat

berbahaya dan telah membunuh 100,000 hidupan laut dalam tempoh setahun.

“Malaysia berada di kedudukan kelapan dunia yang membuang sisa plastik ke laut. China di tangga teratas diikuti Indonesia di kedudukan kedua,” jelasnya.

Tambah beliau, pengurusan penggunaan bahan plastik adalah amalan yang baik tetapi memerlukan sokongan daripada semua pihak.

Justeru, beliau mencadangkan masyarakat mengamalkan amalan kitar semula selain tidak menggunakan beg plastik dan membawa beg sendiri semasa membeli-belah.